

# Nyawa dua wanita diragut H1N1

Kosmo 4/08/09 MIS 3

Oleh HISHAM IDRIS

hisham.idris@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** - Penularan pandemik selesema babi (H1N1) di negara ini semakin membimbangkan apabila ia meragut dua lagi nyawa iaitu masing-masing satu di Hospital Miri dan di Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ), Seremban semalam.

Dalam kes di Miri, ia membabitkan seorang ibu muda berusia 23 tahun yang baru melahirkan anak di Hospital Miri.



Mangsa menjadi kes kematian ketujuh telah disahkan mendapat jangkitan H1N1 pada 23 Julai dan disahkan meninggal dunia pada pukul 4 pagi semalam disebabkan komplikasi pada paru-paru.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican berkata, pada mulanya mangsa telah bersalin di hospital berkenaan pada 21 Julai dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) sehari selepas itu.

"Selepas bersalin, mangsa didapati mengidap pneumonia yang teruk dan menunjukkan simptom demam serta batuk empat hari sebelum bersalin.

"Kematian mangsa direkodkan sebagai pneumonia akibat jangkitan H1N1," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Bagaimanapun, bayi mangsa selamat dan disahkan bebas daripada jangkitan H1N1.

Mangsa kelapan pula membabitkan seorang wanita berusia 51 tahun yang berasal dari Kuala Selangor yang disahkan meninggal dunia di HTJ malam kelmarin.



**KAKITANGAN** Jabatan Kesihatan Johor Bahru melakukan pemeriksaan di Sekolah Kebangsaan Seri Kenanga, Tampoi, Johor Bahru semalam.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Dr. Zainal Ariffin Omar ketika dihubungi berkata, wanita itu dimasukkan ke HTJ pada hari kejadian dan meninggal dunia kira-kira pukul 11.50 malam.

Sementara itu, di **Johor Bahru**, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Masyarakat dan Kesihatan Johor, Dr. Robia Kosai berkata, Sekolah Kebangsaan Seri Kenanga, Tampoi tidak ditutup walaupun seorang muridnya meninggal dunia akibat selesema babi kelmarin.

Robia berkata, Jabatan Kesihatan telah

menjalankan pemeriksaan di sekolah itu pagi semalam dan membuat saringan ke atas murid serta guru bagi mencegah penularan.

Di **Kuantan** pula, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Lumpur ditutup mulai semalam sehingga 9 Ogos berikutan seorang guru wanita di sekolah itu disahkan positif H1N1.

Pengarah Pelajaran Pahang, Datuk Abdul Aziz Abdul Latif berkata, sampel darah guru berkenaan yang diuji di Hospital Sungai Buloh, Selangor pada Rabu lepas disahkan positif.

➤ Selepas bersalin, mangsa didapati mengidap pneumonia yang teruk dan menunjukkan simptom demam serta batuk empat hari sebelum bersalin

**DR. MOHD. ISMAIL MERICAN**

## Info Kes selesema babi

MALAYSIA	
<b>Semalam</b> 1,446 kes 574 kes import 872 kes tempatan 7 kematian	<b>Kelmarin</b> 1,429 kes 574 kes import 855 kes tempatan 6 kematian
SELURUH DUNIA	
<b>Semalam</b> 183,854 kes	1,307 kematian
<b>Kelmarin</b> 183,826 kes	1,301 kematian
Hotline 03-88834414, 03-88824415, 03-88810200 <a href="http://h1n1.moh.gov.my">http://h1n1.moh.gov.my</a> Sumber: Kementerian Kesihatan	

